

TATACARA PELAKSANAAN PROGRAM “KKM JOM IKRAR”
Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan bilangan 2 Tahun 2015

TUJUAN

1. Tujuan garis panduan ini dikeluarkan adalah untuk menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh Jabatan Kesihatan Negeri untuk melaksanakan program “KKM, Jom Ikrar!” bagi meningkatkan tahap kesedaran pendermaan organ di kalangan anggota Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

PENGENALAN

2. Buat masa ini, ramai anggota Kementerian Kesihatan Malaysia yang masih tidak mempunyai maklumat asas berkenaan dengan pendermaan organ seperti kepentingan menderma organ dan juga cara mendaftar untuk berikrar sebagai penderma organ. Oleh itu, ramai anggota KKM yang belum berikrar sebagai penderma organ.
3. KKM berpendapat bahawa perkara ini perlu ditangani segera kerana negara khususnya KKM telah lama memulakan perkhidmatan transplan semenjak tahun 1975 lagi, namun tahap kesedaran masyarakat termasuklah anggota KKM sendiri masih di tahap yang belum memuaskan. Perubahan sikap dan penerimaan masyarakat ini perlu dilaksanakan dengan lebih menyeluruh selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat penyayang dan memiliki mentaliti kelas pertama sebagaimana di negara-negara maju yang lain.
4. Oleh itu, Program “KKM, Jom Ikrar!” diwujudkan agar usaha memperbaiki tahap kesedaran dan penerimaan terhadap pendermaan organ khususnya anggota KKM dilakukan dengan lebih menyeluruh melalui penglibatan Jabatan Kesihatan Negeri. Sikap dan penerimaan masyarakat akan bertambah baik sekiranya ramai anggota KKM sendiri telah berikrar sebagai penderma organ.

TATACARA PELAKSANAAN

5. Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) perlu menubuhkan satu kumpulan kerja (Task Force) di bawah Jawatankuasa Bertindak Pendermaan Organ Peringkat Negeri bagi merancang dan menyelaras pelaksanaan “KKM, Jom Ikrar” di peringkat negeri. Kumpulan Kerja ini dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan). JKN merupakan sekretariat kepada Kumpulan Kerja ini. JKN perlu mengenalpasti ahli

Kumpulan Kerja Pelaksanaan “KKM, Jom Ikrar!” tersebut yang terdiri daripada anggota dari Program Perubatan dan Program Kesihatan Awam seperti berikut:

- a. pakar-pakar perubatan;
- b. pegawai kesihatan daerah;
- c. pegawai pendidikan kesihatan;
- d. atau pegawai perubatan serta anggota paramedik yang bersesuaian.

6. Peranan Kumpulan Kerja adalah seperti berikut:

- a. Mengenalpasti anggota kesihatan di peringkat hospital, Pejabat Kesihatan Daerah dan Klinik Kesihatan untuk diberi latihan selanjutnya (echo training) agar anggota ini dapat melaksanakan aktiviti ceramah dan kesedaran terhadap anggota kesihatan di peringkat masing-masing;
- b. Membuat perancangan aktiviti termasuk mengenalpasti bilangan hospital, Pejabat Kesihatan Daerah dan Klinik Kesihatan yang akan melaksanakan program “KKM, Jom Ikrar!” untuk tahun semasa dan tahun berikutnya.

7. Program “KKM, Jom Ikrar!” boleh dilaksanakan berdasarkan **struktur dan modul** yang disediakan sebagaimana lampiran. Penganjur juga perlu mendapatkan dan menggunakan bahan-bahan pendidikan yang disenaraikan termasuk slaid pembentangan dan video. Struktur dan modul yang disediakan hanya merupakan garis panduan asas sahaja, Jabatan Kesihatan Negeri bebas untuk mengubahsuai cara penyampaian bergantung kepada keperluan dan kreativiti masing-masing.

8. Matlamat program ini adalah untuk menarik seberapa ramai anggota KKM untuk berikrar secara **sukarela** sebagai penderma organ.

9. Sehingga akhir tahun 2015, disasarkan sebanyak 50% daripada anggota KKM di negeri masing-masing telah diberi pendedahan dan menghadiri program ini. Sesi ini boleh dilakukan secara berulang di fasiliti masing-masing bagi memastikan ramai anggota diberi pembedahan dalam satu tahun.

10. JKN perlu menghantar laporan berkenaan pelaksanaan program “KKM, Jom Ikrar!” setiap 4 bulan mulai April 2015 sebagaimana format yang ditetapkan.

PERTANYAAN

11. Sebarang pertanyaan mengenai Pekeliling ini, sila hubungi:

Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 5, Blok E1, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya
Pej (603) 88831165
Faks (603) 88831155
Emel dermaorgan@moh.gov.my

Pusat Sumber Transplan Nasional
Hospital Kuala Lumpur
Jalan Pahang, 50586 Kuala Lumpur
Pej (603) 26810681
Faks (603) 26810680
Emel ntrc@hkl.moh.gov.my
Talian bebas tol 1-800-88-9080
Laman sesawang www.dermaorgan.gov.my

LAMPIRAN 1

STRUKTUR PROGRAM “KKM JOM BERIKRAR”

9.00-9.10 pagi	Soal selidik Pre-test
9.10-9.30 pagi	Persembahan video “Anugerah Kehidupan” dan “Ikrar Duta Derma Organ”
9.30-10.00 pagi	“Tak kenal maka tak tahu...”
10.00-10.30 pagi	“Habis tu... macam mana?...”
10.30-10.45 pagi	Rehat
10.45-11.00 pagi	“Mati otak...”
11.00-11.30 pagi	“Agama benarkan?...”
11.30-11.40 pagi	Persembahan video “Islam dan Derma Organ”
11.40-12.15 tgh	“What’s next?...”
12.15-12.30 tgh	Persembahan video “IJN Satu Ikrar Sejuta Harapan”
12.30-12.50 tgh	Soal jawab
12.50-1.00 petang	Soal selidik Post-test

LAMPIRAN II

KEPERLUAN PROGRAM “KKM JOM BERIKRAR”

1. Bahan untuk ceramah:
 - a. Video Duta Pendermaan Organ KKM
 - b. Video “Anugerah Kehidupan”
 - c. Video “IJN Satu Ikrar Sejuta Harapan”

2. Bahan-bahan kempen pendermaan organ untuk diberikan kepada peserta:
 - a. Risalah “Tahukah Anda”
 - b. Kad Informasi : Pendermaan Organ
 - c. Soalan Lazim Pendermaan Organ dari Perspektif Islam
 - d. Booklet kecil “Asas Pendermaan Organ”

3. Sekiranya ada, kaunter pameran dan pendaftaran perlu disediakan semasa program ini berlangsung bagi memudahkan peserta untuk mendapatkan maklumat tambahan atau mendaftar sebagai pengikrar.

LAMPIRAN III

LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM “KKM JOM IKRAR!”

Jabatan Kesihatan Negeri :

Tempoh pelaksanaan : (Januari – April 2015)

TARIKH	TEMPAT (JKN/ PKD/ HOSP/ KK)	Bilangan peserta	Bilangan peserta berikrar

LAMPIRAN IV

MODUL 1 : “Tak kenal maka tak tahu...”

MODUL 2 : “Habis tu.... Macam mana?”

MODUL 3 : “Mati otak...”

MODUL 4 : “Agama benarkan?...”

MODUL 5 : “What’s next?...”